

NO. SOALAN : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

TARIKH : 3 APRIL 2018

SOALAN :

YB. Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah halangan serta cabaran yang dihadapi oleh Kementerian bagi memberi bantuan tambahan bagi membaik pulih semula taman-taman awam di Perlis seperti Taman Ular, Taman Burung dan kawasan perkelahan air terjun di Taman Negeri Perlis yang tidak diselenggarakan akibat kekurangan bajet mempromosikan kawasan pelancongan ini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) tiada halangan malah sentiasa memberi perhatian kepada produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM9.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), bagi melaksanakan tiga (3) projek pembangunan pelancongan di Negeri Perlis seperti berikut:

- i. Menaiktaraf Taman Ular/Gazebo Sungai Batu Pahat, Perlis (RM3.5 juta);
- ii. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pekan Kuala Perlis (RM5.0 juta); dan
- iii. Projek Pengindahan Sg Perlis - Sakura Park (RM1.0 juta).

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh pihak EPU, JPM dan membuat pemantauan sehingga pelaksanaan projek siap serta diserahkan kepada Agensi Pemilik. Walau bagaimanapun, penyelenggaraan berkala perlu dilaksanakan oleh agensi pemilik iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan pelancongan seperti Taman Ular, Taman Burung dan kawasan perkelahan air terjun di Taman Negeri Perlis sentiasa terpelihara.

Bagi mempromosikan tempat-tempat pelancongan di Negeri Perlis, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah merancang pelbagai acara, program dan aktiviti dalam usaha menarik lebih ramai pelancong. Antara acara yang dirancang adalah Pesta Angin Timur, *Perlis Marathon*, *Rally of Perlis*, dan Pesta Air Kuala Perlis. Tumpuan juga diberikan kepada segmen eko-pelancongan seperti *caving* (Gua Kelam), *birding* (Bukit Keteri), *nature walk* (Wang Gunung) dan *trekking* (Gua Cenderawasih dan Denai Larian, Pengkalan Asam).

Sekian, terima kasih.